



siaran akhbar

di-terbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

Ucapan 1 AD40
414
33/80

PEN. 3/71/329 (PELAJARAN)

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran Enche Hussein Onn
di-Upacara Meresmikan Pumbukaan Bangunan
Tambahan Berharga \$83,000.00 Untok Sekolah
Menengah Dato' Abdul Samad, Tanjong Ipoh,
Kuala Pilah, Negeri Sembilan Pada 25.3.1971
Pukul 2.30 petang.
=====

Tuan Pengerusi Majlis, Yang Teramat Mulia Tunku
Laksamana dan Isteri, Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar dan
Isteri, Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Yang
Berhormat Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Yang
Berhormat Tuan Setia Usaha Kerajaan, Pengerusi dan Ahli2 Lembaga
Pengelola Sekolah, tuan2 dan puan2 sekalian.

Saya menguchap shukor kerana dapat hadzir di-hari yang
bersejarah ini bagi sekolah Menengah Dato Abdul Samad, Tanjong Ipoh.
Saya juga berasa bertuah kerana di-beri penghormatan untok meresmikan
pembukaan bangunan sekolah yang permai ini. Atas kesudian pehak sekolah
menjemput saya dan isteri saya dan memberikan penghormatan ini kepada
kami, saya ucapkan berbanyak2 terima kaseh.

Ini ia-lah kali yang pertama saya membuat lawatan
resmi sebagai Menteri Pelajaran ka-Negeri Sembilan, dan meresmikan
pembukaan sekolah ini ada-lah juga tugas resmi yang pertama yang saya
lakukan di-Negeri ini. Saya berasa kagum melihat begitu ramai-nya,
kebanyakan terdiri daripada ibu2 bapa, yang hadzir pada petang ini
yang jelas menunjukkan besar-nya minat tuan2 dan puan2 terhadap satu2
perkara yang berhubong dengan sekolah ini. Saya harap minat dan
sambutan yang telah di-tunjokkan tidak sahaja di-beri kepada upacara2
perayaan di-sekolah2, saperti hari ini, bahkan kepada semua lapangan
persekolahan.

Pelajaran dan ilmu pengetahuan ada-lah satu perkara
yang dapat menentukan taraf kedudukan dan murtabad sa-saorang dan
seterus-nya sa-sabuah Negara. Pelajaran juga dapat menolong di-dalam
kemajuan ekonomi dan sosial sa-suatu bangsa di-samping itu juga menolong
menyediakan individu bangsa itu untok memainkan peranan yang berguna
kapada masharakat. Peranan pelajaran bertambah penting lagi di-dalam

sa-sabuah negara yang sedang membangun seperti Negara kita. Kerajaan telah lama sedar tentang hal ini dan sebab itulah ia-nya telah dan sedang membelanjakan sabahagian besar daripada Peruntukan Perbelanjaannya untuk pelajaran, dan kerajaan akan terus memberi perhatian berat terhadap pelajaran.

Seperti tuan2 dan puan2 sedang melihat sendiri, Kerajaan telah menyediakan bermacam2 kemudahan persekolahan bagi anak2 kita. Kerajaan memberikan sapenoh kemudahan kepada anak2 di-bangku sekolah supaya mereka dapat menikmati faedah yang besar daripada pelajaran yang di-berikan di-sekolah. Mithal-nya bangunan sekolah yang tuan2 dan puan2 lihat sekarang di-lengkapi dengan berbagai2 kemudahan untuk murid2 menggunakan-nya. Dari perbelanjaan \$83,000.00 untuk bangunan tambahan ini, Kementerian saya telah dapat membena 6 bilek darjah, 2 bilek sains dan juga sebuah kutub-khanah. Tujuan ini tidak akan tercapai jika pihak ibu2 bapa, yang juga mempunyai tanggung-jawab yang berat terhadap persekolahan anak2 mereka, tidak melibatkan diri mereka dengan sapenoh-nya di-dalam proses pembangunan pelajaran. Sa-sabuah sekolah itu tidak akan mendapat kejayaan yang penoh di-dalam semua bidang persekolahan, ia-itu matlamat-nya yang utama, jika kerjasama yang rapat daripada ibu2 bapa tidak dapat di-perolehi-nya. Pengorbanan yang lebeh lagi adalah di-perlukan, jika tuan2 dan puan2 hendakkan anak2 tuan mendapat faedah yang penoh daripada sistem pelajaran yang ada sekarang.

Saya di-fahamkan bahawa Persatuan Ibu-bapa dan Guru telah di-tubuhkan di-sekolah ini dan telah pun menunjukkan khidmat-nya yang chemerlang. Persatuan ini, baharu2 ini, dengan kerjasama ibu2-bapa dan guru2 telah mengadakan malam anika ragam untuk mengutip derma Tabong Kebajikan Sekolah yang akan di-gunakan untuk membantu murid2 miskin di-sekolah ini. Saya suka menyampaikan tahniah saya kepada Persatuan ini kerana usaha murni mereka. Jasa bakti mereka akan di-sanjong tinggi oleh masharakat di-sini. Persatuan Ibu-bapa dan Guru adalah hubungan utama yang boleh membawa faedah yang berkesan, di-antara pihak sekolah dan ibu2 bapa. Peranan-nya di-dalam proses pembangunan pelajaran tidak boleh di-nafikan. Saya suka mengambil kesempatan di-sini menyeru kepada sekolah2 yang belum lagi menubuhkan persatuan tersebut supaya berbuat demikian dengan seberapa segera.

Guru2 juga hendaklah sentiasa sedar akan tanggung-jawab mereka terhadap murid2 di-bawah jagaan mereka. Di-sekolah-lah letak-nya harapan Negara untuk masa hadapan. Oleh itu peranan guru2 untuk memenuhi harapan ini sangat-lah penting. Kita boleh melateh anak2 muda kita berfikir dengan berpandukan kepada perinsip2 Rukunegara.

Kapada murid2 sekalian, saya hendak menyatakan bahawa murid2 boleh di-anggap sangat bertuah mempunyai bangunan sekolah yang chantek ini serta dengan kemudahan2 yang ada di-dalam-nya. Saya yakin murid2 akan sentiasa mengetahui tentang kewajipan murid2 dan menggunakan dengan sepenoh-nya kemudahan2 yang ada di-sekolah ini. Belajar-lah bersungguh2 dan, apabila bermain, bersungguh2-lah juga. Masa hadapan murid2 dan masa hadapan Negara bergantung kepada murid2 sekalian.

Melalui Bahasa Malaysia, yang di-gunakan dengan seluas2-nya dan sajujor2-nya saya yakin di-zaman akan datang terjalin generasi muda kita yang hidup dengan penoh saling mengerti, saling bantu membantu dan saling faham memahami. Asas-nya bermula di-Sekolah2 dan di-Maktab2 di-mana penuntut2 mendapat tunjok ajar serta bimbingan daripada guru2 dan pensharah2 yang berpengalaman.

Tuan2 dan puan2 sedia maalum bahawa dalam tahun 1971 ini, Kementerian Pelajaran berharap akan berjaya melateh saramai lebih kurang 3,050 orang guru2 untok Bahasa Malaysia, ia-itu 1,750 orang guru2 dari sekolah2 menengah rendah dan baki-nya saramai 1,300 orang terdiri dari guru2 sekolah rendah jenis kebangsaan. Ini-lah bukti yang sangat2 jelas bagaimana pesat serta tegas-nya Kementerian Pelajaran membuat ranchangan melaksanakan dasar Pelajaran Kebangsaan.

Kementerian Pelajaran pada masa ini ada-lah berusaha memajukan pelajaran Sains dan Teknologi. Sains mempunyai banyak chabang dan satu daripada-nya ia-lah bidang Pertanian. Dan oleh kerana negara kita ini bertulang-belakangkan Pertanian maka sudah sawajar-nya-lah negara kita mempunyai sabuah Universiti Pertanian. Pada hari ini saya berasa bangga untok mengumumkan bahawa sa-orang anak Negeri Sembilan akan di-lantek menjadi bakal Vice-Chancellor Universiti Pertanian itu. Beliau kita semua kenali, ia-itu Dr. Rashdan bin Haji Baba, yang mana pada hari ini selain daripada menjadi Pengetua, Maktab Pertanian, Serdang beliau adalah juga Vice-Chancellor, Universiti Kebangsaan semenjak kita tubuhkan pada tahun yang lalu.

Tuan2 dan Puan2 sakalian akan tertanya2 siapa-kah pula yang akan menggantikan Dr. Rashdan sebagai Vice-Chancellor Universiti Kebangsaan. Perlantekan bakal Vice-Chancellor Universiti itu telah pun dapat persetujuan daripada Y.A.B. Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein dan saya suka-lah mengumumkan dengan resmi-nya pada petang ini bahawa Dato' Dr. Ariffin bin Ngah Marzuki di-lantek sebagai Vice-Chancellor, Universiti Kebangsaan. Beliau akan memulakan

jawatan baru ini pada 1hb. April, 1971. Dato' Dr. Ariffin bin Ngah Marzuki seperti yang kita semua ketahui ia-lah Pengarah, Lembaga Peranchang Keluarga Kebangsaan dan mempunyai pengalaman perubatan yang luas dan amat-lah sesuai tugas ini beliau pegang oleh kerana saya telah mengumumkan sedikit masa yang lalu bahawa sa-buah fakulti Perubatan akan di-tubuhkan di-Universiti Kebangsaan. Tugas menubuhkan Fakulti ini terserah-lah kepada Dato' Dr. Ariffin, Vice Chancellor kita yang baru dan saya berharap Fakulti ini akan di-tubuhkan pada tahun 1973 atau sa-lewatnya pada tahun 1974.

Guru Besar dan guru2 di-sekolah ini telah menunjukkan daya usaha bagi meninggikan taraf kemajuan sekolah ini. Saya yakin guru2 sekalian akan berusaha lebeh giat lagi untok menchapai kejayaan yang lebeh besar bagi sekolah ini di-bidang pelajaran dan lapangan sukan. Saya sukachita mengetahui yang Lembaga Pengelola sekolah telah dan sedang memberikan minat yang penoh bagi kebaikan sekolah ini. Sokongan dan kerjasama tuan2 akan menolong menimbulkan suasana yang baik dan sesuai bagi kemajuan sekolah ini.

Sabelum saya mengakhiri ucapan saya ini sekali lagi saya menguchapkan berbanyak terima kaseh kepada pehak sekolah kerana menjemput saya dan isteri saya pada petang ini.

Saya dengan sukachita-nya meresmikan Pembukaan Bangunan Tambahan Sekolah Menengah, Dato Abdul Samad, Tanjong Ipoh.

KUALA LUMPUR,
25hb. Mach, 1971.

(di-keluarkan pada pukul 3.00 petang)

=====



No Siri	14
No Penerimaan	14/80